

15/04/1997

Mengukuhkan kancing kuasa BPR

Kamal Ahmad

SEPANJANG minggu lalu, perbahasan di Dewan Rakyat panas dan rancak apabila Ahli Parlimen pembangkang melontar pelbagai dakwaan mengenai rasuah terhadap Petronas, Perwaja dan syarikat yang ada kontrak dengan kerajaan.

Tetapi paling menggegarkan ialah isu RM2.4 juta milik bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang tidak diisytiharkan ketika mahu keluar dari Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada 22 Disember lalu. Isu itu sekali gus menenggelamkan perbahasan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menguasai ruang pada minggu pertama dan kedua persidangan.

Sejak BPR yang dikenali sebagai Biro Siasatan Negara (BSN) sebelum Oktober 1982, ramai pihak terutama pembangkang dan antiestablishment menuduh badan itu sekadar 'menjala ikan bilis' tetapi jerung dibiarkan terus mengganas.

Memang malang apabila hasil siasatan mendapati tidak wujud rasuah, penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa, maka timbul tuduhan ada campur tangan pihak tertentu supaya kes itu dilenyapkan.

Bagaimanapun, fakta ini diharap boleh dijadikan asas untuk membidas dakwaan berkenaan. Contohnya, 1,320 ditahan oleh BPR bagi tempoh 1987-1991. Daripada jumlah itu, 1,035 dihadapkan ke mahkamah dan 681 didapati bersalah manakala 339 tidak bersalah. BPR menerima 36,151 maklumat dalam tempoh itu dan 2,431 daripada kes itu disiasat.

Fakta ini jelas aduan atau maklumat memang banyak tetapi hasil siasatan yang didapati sahih adalah kecil. Jelaslah banyak maklumat biasanya tidak tepat dan tidak bertanggungjawab.

Namun sejak sekian lama BPR menjalankan tugas, ramai yang terbabit rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dikenakan tindakan mahkamah, dinasihat berhenti atau mengosongkan kerusi tugasnya.

Apabila diumumkan di Parlimen lapan Exco sedang disiasat, adalah jelas kewibawaan BPR tidak boleh dipertikaikan kerana sebarang aduan dan maklumat disiasat.

Begitu juga dakwaan komposer dan penyanyi M Nasir ramai DJ radio 'diberi makan' oleh syarikat rakaman tertentu. BPR terus menyiasat berdasarkan laporan akhbar dan kemudian baru mengambil keterangan Nasir.

Begitu juga, selama ini kita tahu ramai ahli politik dan pentadbir kanan yang berundur atas kerelaan sendiri selepas siasatan BPR kerana dikaitkan dengan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Imbas kembali isu saham Telekom kepada Maika Holding, isu pembelian kereta Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), isu Mara membeli kondominium mewah dan Mara Holdings membeli 450 keahlian Kelab Rahman Putra; semua kes itu disiasat walaupun ia membabitkan individu ternama.

Di sini, ketegasan kerajaan untuk membanteras rasuah sangat ketara. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas 100 hari menduduki kerusi Perdana Menteri pernah menegaskan, BSN perlu disusun semula selepas melihat biro itu banyak menghabiskan masa menyiasat perkara yang tidak berkaitan dengan rasuah, seperti harga dan mutu barangan.

Walaupun rasuah mungkin tidak dapat dibanteras sepenuhnya, beliau ketika itu berkata: "Tetapi saya akan dapat menghadkannya. Saya akan timbulkan rasa sesal dan ngeri di hati mereka yang terbabit dengan rasuah. Hidup mereka tidak akan tenteram. Mereka akan terasa ada pedang tergantung di atas kepala mereka."

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 12

April lalu, Dr Mahathir berkata, ahli parti yang sayangkan Umno tidak harus mencemarkan parti dengan berbuat sesuatu yang akan menimbulkan sangkaan buruk terhadap parti.

Ini bermakna ketegasan itu sama ketika beliau memulakan tugas pada 1981.

Kenyataan Perdana Menteri di sidang akhbar itu sesungguhnya mesej sangat jelas dan tegas bahawa Umno sekali gus kerajaan tidak akan melindungi ahli dan pemimpinnya yang dikaitkan dengan rasuah.

Oleh itu, mereka yang terbabit wajar mencontohi Muhammad bagi memastikan nama Umno terpelihara dan tidak dikaitkan dengan nama pemimpin 'bermasalah'.

Sebelum ini, persidangan dan ahli MT Umno membulatkan komitmen memerangi gejala politik wang (rasuah) dan menolak pemimpin yang terbabit. Ini jelas menunjukkan pendirian Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan, mahu menumpaskan kegiatan itu walau ia membabitkan kepemimpinan kanan parti.

Komitmen dan keikhlasan kerajaan membanteras gejala rasuah sekali terbukti apabila Akta Pencegah Rasuah kini di peringkat akhir pindaan.

Mengapa harus ada desakan supaya BPR dikeluarkan daripada kawal selia Jabatan Perdana Menteri, bertindak sebagai agensi pendakwa yang bebas dan Ketua Pengarahnya diberi kuasa menentukan pendakwaan sesuatu kes rasuah? Dr Mahathir berkata, kuasa penentu sesuatu kes itu lebih baik diserahkan kepada Peguam Negara yang arif mengenai undang-undang.

Tetapi mungkinkah wajar kerajaan mengkaji semula pelantikan pegawai penyiasat daripada kalangan pegawai polis yang dipinjamkan seperti yang pernah diamalkan suatu ketika dulu? Idea ini mungkin boleh dipertimbangkan untuk mengelakkan timbul tuduhan 'who audits the auditor' walaupun kita tahu pegawai BPR.

Kita juga tahu, kerajaan belum memberi reaksi kepada cadangan Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahaya, supaya setiap jabatan kerajaan diwajibkan membentuk Jawatankuasa Etika dan Pengurusan bagi menangani gejala rasuah. Penubuhan itu, lebih tertumpu kepada jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Kita tidak tahu apakah kedudukan cadangan penubuhan Pasukan Anti Rasuah (ACT) di sektor swasta untuk menyekat perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pekerja seperti diumumkan Ketua Pengarahnya ketika itu, Tan Sri Zulkifli Mahmood, pada Oktober 1992. Bagaimanapun, kita berharap langkah menyusun struktur dan operasi BPR seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memantapkan lagi pasukan pencegah rasuah itu.

(END)